

Pemikiran Kassim Ahmad tentang Konsep Humanisme

Md Hasri Rajali & Muhammad Hasrul Zakariah

Bhg Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia

Email: hasri91@gmail.com

Abstrak

Kertas kerja ini membincangkan perkembangan sejarah pemikiran Kassim Ahmad tentang konsep humanisme selepas tahun 1990an. Kassim Ahmad merupakan salah seorang sarjana muslim yang sering kali melaungkan konsep humanisme selepas tahun 1990an. Laungan tersebut yang kemudiaanya diterjemah melalui penulisan dan tindak tanduknya yang menjangkau ruangan sempadan antarabangsa sekitar tahun 1990an. Sosok yang aktif ini akhirnya mula terlibat dengan peranan Kassim Ahmad dalam isu kemanusiaan bersama dengan badan-badan kemanusiaan yang lain. Secara tidak langsung, penerapan konsep humanisme dalam pandangan Kassim Ahmad dianalisis dengan menggunakan pendekatan sejarah.

Kata kunci: Kassim Ahmad, humanisme, gerakan La Rouche, kemanusiaan.

Pendahuluan

Humanisme dalam bahasa Latin adalah *humanus* yang berasal dari kata akar *homo* yang membawa erti kudrat manusia. Istilah humanis ini kemudiannya diguna pakai buat pertama kalinya dalam literatur pada zaman pertengahan klasik Eropah.¹ Malahan, karya-karya kuno Yunani-Rom telah diangkat kembali pada abad ke-14. Antaranya karya Socrates, Plato dan Aristotle.

Namun begitu, humanisme lalu dijadikan sebuah ideologi pergerakan pada awal zaman Renaissance. Ia bertujuan untuk mengangkat martabat dan kemampuan manusia secara individu.² Tidak cukup dengan itu, gerakan humanis pada zaman tersebut berusaha untuk memisahkan kemampuan dan kredibiliti manusia dengan unsur agama. Dalam erti kata yang lain, pada zaman tersebut melihat gerakan humanis cuba memisahkan kebergantungan manusia dengan unsur agama.³

¹ Penelitian Harun Hadiwyono, istilah *humanis* sendiri telah dipopularkan oleh golongan filsuf pada abad ke-14. Hal ini kerana zaman tersebut merupakan zaman peralihan wacana manusia daripada isu yang mendasar seperti perbincangan makrokosmos atau alam semesta kepada perbincangan mikrokosmos atau soal manusia. Lihat, Harun Hadiwyono, *Sari Sejarah Filsafat Barat 2* (Yogyakarta: Kanisius, 1995), 11.

² Harun Hadiwyono, *Sari Sejarah Filsafat Barat 2* (Yogyakarta: Kanisius, 1995), 15.

³ Lawrence C. Becker, *Encyclopedia of Ethics* (New York: Routledge, 2001), 800.

Sebaliknya, pada abad ke-18, corak dan gaya pemikiran humanisme ini mula tidak jelas kerana menekankan aspek pendidikan dan keintelektualan. Menurut Mohd Aizam, golongan humanis pada abad ke-18 dilihat sebagai golongan intelektual yang menguasai ilmu-ilmu humanis. Ilmu-ilmu humanis waktu itu didefinisikan sebagai ilmu-ilmu sastera seperti sejarah, tatabahasa, moral, dan falsafah.⁴

Pada tahun 1980, Jacob Burckhardt berpandangan bahawa kebanyakannya golongan humanis kini melihat pembentukan elemen-elemen yang baharu dalam masyarakat moden. Golongan humanis pada waktu ini berpegang prinsip kebebasan kehidupan, dan menolak tendensi amalan paganisme yang dibawa oleh masyarakat terdahulu. Secara tidak langsung Burckhardt melihat bahawa golongan humanis juga cuba untuk mempromosi sebuah tamadun yang baharu untuk menyaingi tamadun yang wujud pada zaman pertengahan Eropah.⁵

Malangnya, abad ke-14 sehingga abad ke-18 mengufuk tanda-tanda pemisahan antara humanism dengan agama. Dalam erti kata yang lain, abad-abad tadi merupakan tempoh golongan humanis yang bersifat sekular. Sebaliknya, pada abad ke-20 mula muncul beberapa pemikir dari seantero dunia mula mewacanakan secara kritis berkenaan dengan ketimpangan golongan humanis-sekular ini.

Wacana golongan intelektual pada abad ke-20 ini dilihat sebagai suatu perubahan kepada penelitian semula konsep humanisme dengan unsur agama. Antara pemikir atau filsuf yang terlibat dalam wacana ini ialah Jaquet Maritain, Bernad Muchland, Boisard, dan Ali Shariati. Umumnya, wacana kritis yang dibawa oleh para filsuf tadi berusaha untuk menyelesaikan masalah konsep humanisme dengan konsep agama sebagai dua unsur yang tidak boleh dipisahkan. Oleh itu, kesedaran penggabungan dua konsep ini akhirnya mewujudkan sebuah lagi tipologi pemikiran yang dikenali sebagai humanisme-agama.

Sepertimana yang berlaku dalam Islam, muncul beberapa pemikir muslim cuba meneliti secara kritis terhadap konsep humanisme dan agama bukan suatu konsep yang dipecah-pecahkan sebaliknya harus saling lengkap-melengkap.

Diskusi terhadap humanisme Islam menjadi popular apabila, Islam difahami oleh sebahagian golongan orientalis sebagai sebuah fahaman yang fanatik, primitif dan tidak menjunjung nilai-nilai kemanusiaan. Oleh itu, menurut A. S. Ahmed, Islam yang dilihat sebagai agama yang tidak humanis akibat salah fahaman golongan non-muslim dan minoriti muslim yang gagal membedah identiti mereka sendiri.⁶

Para Islamolog Barat atau orientalis yang mengfokuskan isu sensasionalisme minoriti fanatik telah mengakibatkan muncul sosok tokoh humanis dalam kalangan muslim diseluruh dunia. Antaranya yang popular dengan gelaran “Bapa Humanis Indonesia” ialah Abdulrahman Wahid atau Gus Dur di rantau benua Asia Tenggara dekad ini. Di Malaysia

⁴ Mohd Aizam Maso’od, “Serangan Ideologi Barat Terhadap Pemikiran Umat Islam dan Implikasinya Terhadap Iman”, *Jurnal Penyelidikan Islam* Bil. 25/2012 (109-120), 110.

⁵ Richa Raj, Renaissance Humanism: An Introduction (Delhi: University of Delhi, t.t), 20

⁶ Akbar S. Ahmed, *Membedah Islam*, terjemahan Zulfahmi (Bandung: Pustaka, 1990), 1

pula, sekitar tahun 1980an, Kassim Ahmad persis Gus Dur di Indonesia juga sekian pemikir humanis tempatan yang melacak ke arah gagasan tentang humanisme.

Kassim Ahmas atau Pak Kassim dilihat salah seorang pemikir di Malaysia yang sentiasa mengusung gagasan humanisme sekitar tahun 1980an. Oleh itu, apakah benar pandangan Kassim Ahmad berkenaan humanisme? Selain itu, isu kemanusiaan apakah yang dibawa oleh Kassim Ahmad pada waktu tersebut? Dan peranan beliau dalam mana-mana siri kemanusiaan yang ikutserta?

Biografi ringkas Kassim Ahmad

Kassim Ahmad dilahirkan pada 9 September 1933 di Kampung Kubang Tampang, Alor Setar, Kedah. Beliau menerima pendidikan formal dari Sekolah Melayu Kampung Bujang, Kedah. Oleh disebabkan faktor kecemerlangan dalam pendidikan rendah, beliau telah berjaya melanjutkan pendidikan menengah di Kolej Sultan Abdul Hamid pada tahun 1949.⁷ Semasa di Kolej Sultan Abdul Hamid, minat Kassim terhadap politik mula mendalam kerana pergaulan beliau dengan beberapa golongan wartawan dan pemimpin pelajar.⁸ Menurut M. H. Rajali, faktor suasana politik di Tanah Melayu pada tahun 1960an turut mempengaruhi jiwa Kassim untuk terlibat aktif dengan dunia politik.⁹

Kemasukan beliau sebagai mahasiswa Universiti Malaya, Singapura pada tahun 1954 telah dijadikan peluang untuk mengenali pelbagai ideologi dan gerakan politik di tanah air. Pada tahun tersebut, Kassim tehak aktif dalam berpersatu dalam Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya (PMIUM) dan Kelab Sosialis Universiti Malaya (KSUM). Penglibatan dalam KSUM telah menarik minat Kassim untuk menjadikan ideologi sosialisme sebagai ideologi politik bermula tahun 1954 sehingga sekitar tahun 1980an.

Pada tahun 1966, beliau telah dilantik menjadi Pengurus Parti Rakyat Malaya (PRM) cawangan Pulau Pinang dan juga pemangku sementara PRM bagi menggantikan Ahmad Boestamam. Selang dua tahun kemudian beliau terus dilantik menjadi Pengurus Kebangsaan Parti Rakyat Malaya (PRM) dari tahun 1968 sehingga 1984.¹⁰

Akhirnya pada tahun 1984, Kassim telah meletak jawatan sebagai Pengurus Kebangsaan PRM lalu bersara daripada dunia politik selama dua tahun. Pada tahun 1986, Kassim membuat keputusan untuk kembali dalam dunia politik dengan menyertai *United Malay National Organizations* (UMNO) sebagai ahli biasa.¹¹

⁷ Temubual Kassim Ahmad dengan Md Hasri Bin Rajali di Kulim, Kedah pada 26 September 2014.

⁸ Kassim Ahmad, *Mencari Jalan Pulang: Daripada Sosialisme Kepada Islam* (Petaling Jaya, Selangor: ZI Publications Sdn. Bhd., 2008), 61-63.

⁹ Md Hasri Rajali, "Pemikiran Kassim Ahmad Terhadap Sosialisme: Suatu Tinjauan Awal, Tahun 1968 – 1984", *Jurnal Kemanusiaan* Vol. 25, Iss. 2, ISSN 1675 – 1930 Universiti Teknologi Malaysia, 4.

¹⁰ Kassim Ahmad, "Biodata Kassim Ahmad", Catatan Kassim Ahmad, Julai 2015.

¹¹ Temubual Kassim Ahmad dengan Md Hasri Bin Rajali di Kulim, Kedah pada 26 September 2014.

Dalam bidang penulisan pula, Kassim tidak jemu mencetuskan kontroversi sejak dibangku universiti lagi. Contohnya pada 1969, Kassim telah mengangkat watak Hang Jebat sebagai wira dalam Hikayat Hang Tuah melalui tesisnya berjudul “*Characterisation In Hikayat Hang Tuah*”.¹² Sebaliknya, masyarakat Melayu pada waktu tersebut menjunjung Hang Tuah sebagai wira dunia Melayu kerana taatnya kepada golongan raja atau sultan.

Dalam penulisan sastera pula, Kassim hanya berjaya menghasilkan lima buah cerpen dan hampir 31 buah sajak dari tahun 1955 hingga tahun 1962. Fokus beliau terhadap bidang falsafah, agama dan politik menjadikan beliau bukan seorang yang profilik sepertimana yang diakui oleh Fatimah Busu.¹³ Namun begitu, Kassim tetap diberi Anugerah Puisi GAPENA oleh pihak GAPENA pada 10 Oktober 1987.¹⁴

Selain daripada kegiatan penulisan, Kassim turut mengaplikasikan tulisan-tulisan dalam bentuk praktikal. Hal ini kerana Kassim juga memberi sumbangan tenaga dan idea dalam mengusung gagasan tentang humanisme. Tulisan-tulisan dan aktiviti Kassim membuktikan bahawa beliau salah seorang sarjana muslim yang aktif dalam mengetengahkan isu-isu kemanusiaan pada sekitar tahun 1990an.

Oleh itu, perbincangan seterusnya melihat pandangan Kassim Ahmad tentang humanisme bersandarkan tulisan-tulisan beliau sekitar tahun 1990an. Secara tidak langsung, tulisan beliau turut dianalisis dan dicerna secara akademik melalui pendekatan sejarah.

Konsep Humanisme Kassim Ahmad sekitar tahun 1990-an

Ali Syariati dalam karya, “Humanisme Antara Islam dan Mazhab Barat” mendefinisikan humansime sebagai satu aliran falsafah yang menyatakan bahawa matlamat sebenar manusia adalah mencapai kesejahteraan dan kesempurnaan kendiri dalam kehidupan.¹⁵ Oleh itu, Ali Syariati berhujah bahawa wacana humanis melihat manusia sebagai makhluk yang mulia dan sempurna. Tambahan pula, kewujudan manusia di muka bumi hanyalah untuk memenuhi keperluan-keperluan pembangunan yang dihendaki oleh tamadun manusia. Oleh itu, nilai-nilai yang dibawa oleh organisasi atau individu yang bertentangan dengan nilai-nilai kemanusiaan dianggap sebagai menentang falsafah humanisme.¹⁶

Sebaliknya pandangan Kassim Ahmad pada 23 April 1985 dalam judul “Ideologi, Islam dan Politik Kebangsaan Kini” menggunakan sejarah Eropah sebagai pendekatan untuk memahami falsafah humanisme dari sudut politik. Sepertimana dalam tahun tersebut, Kassim Ahmad menganggap humanisme ini sebagai falsafah politik sekular yang wujud pada zaman

¹² Manuskrip Autobiografi Seorang Peberontak, Belum Diterbitkan, Februari 2016, 68.

¹³ Fatimah Busu, Simbol Dalam Puisi Kassim Ahmad (Latihan Akademik di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 1974/1975), 31.

¹⁴ “Kassim Ahmad: Penyair dan Pegembara Yang Berani”, *Utusan Malaysia*, 13 Oktober 1987

¹⁵ Ali Syari’ati, *Humanisme Antara Islam dan Mazhab Barat* (Jakarta Pusat: Pustaka Hidayah, 1992), 39.

¹⁶ Elijah O. J. & Lucky U. O., “Humanism and Political Development in Nigeria: A Philosophical Examination of Protagoras’ ‘Man is the Measure’”, *International Journal of Research in Humanities and Social Studies*, Volume 3, Issue 1, January 2016, PP 41-50.

kebangkitan Eropah. Menurut beliau lagi, nilai-nilai kemanusiaan terasing daripada di Eropah telah mewujudkan pemberontakan gerakan humanis sebagai reaksi terhadap pihak gereja Kristian Katolik pada waktu tersebut.

“ humanis sekular telah muncul di Eropah... sebagai reaksi dan pengganti kepada pandangan hidup sempit dan mengongkong oleh gereja Kristian atas Eropah... sebagai satu gerakan pemberontakan terhadap satu kekuasaan yang zalim, gerakan ini memang positif dan progresif... ”¹⁷

Pada tahun 1992, Kassim Ahmad memahami humanisme agama melalui perkenalan beliau dengan satu gerakan humanisme Kristian di Amerika Syarikat. Organisasi yang dinamai gerakan La Rouche merupakan gerakan politik-sosioekonomi yang mengusung falsafah humanisme Kristian sejak sekitar tahun 1980an di Amerika Syarikat. Secara tidak langsung, minat beliau terhadap humanisme agama ini diterjemah ke dalam tulisan pada waktu tersebut. Tidak cukup dengan itu, Kassim kelihatan terpengaruh sehingga menyuarakan bahawa falsafah humanisme agama sebenarnya menjunjung gagasan undang-undang Ilahi sepertimana yang diidamkan oleh tamadun manusia selama ini.

Seterusnya, dalam tulisan beliau berjudul “Dajjal dan Kedatangan Nabi Isa Kedua” pada sekitar tahun 1992 menyatakan bahawa gagasan undang-undang Ilahi tersebut bersumberkan kepada sumber Al Quran atau bertulis dan sumber sunnatullah atau alam semesta. Oleh itu, kedua-dua sumber tersebut tidak boleh bertentangan antara satu sama yang lain agar boleh difahami secara rasional dan logik.

“...falsafah beliau boleh ditafsirkan sebagai humanisme... pusat pandangan hidup ini terdapat gagasan undang-undang Ilahi yang abadi. Undang-undang ini termaktub di dalam dua jenis buku – buku bertulis dan buku alam semesta. Kedua-dua jenis buku ini tidak boleh bercanggah. Antara satu sama lain dengan syarat buku yang bertulis itu benar dan kedua-dua yang tertulis dan yang tidak, boleh dibaca dengan akal yang sebenar... ”¹⁸

Oleh disebabkan humanisme Kassim Ahmad ini disandarkan kepada pemahaman yang jitu terhadap Islam sejak tahun 1990an lagi. Seterusnya, pada tahun 2013 dalam artikel beliau berjudul “Dua Jenis Politik: Politik Puak Oligarki dan Politik Puak Humanis” meneliti bahawa politik yang dibawa oleh Nabi Muhammad mewakili golongan humanis di tanah Arab pada waktu tersebut. Sebaliknya kaum Quraisy Makkah diletakkan sebagai golongan oligarki.¹⁹

Dalam isu ini, Kassim Ahmad melihat kaum Quraisy Makkah sebagai golongan menindas dan tidak berlaku adil terhadap masyarakat Makkah. Sebaliknya, pemerintahan Nabi Muhammad mempunyai nilai-nilai yang adil dan saksama terhadap masyarakat Makkah termasuklah memberikan kebebasan tanpa melihat bangsa dan agama.

¹⁷ Kassim Ahmad, Ideologi, Islam dan Politik Kebangsaan Kini, 23 April 1985, 9.

¹⁸ Kassim Ahmad, “Dajjal dan Kedatangan Nabi Isa Kedua”, JAWAB8A, Rencana No13: Oktober 1991-September 1992, 8.

¹⁹ Kassim Ahmad, Dua Jenis Politik: Politik Puak Oligarki dan Politik Puak Humanis, 22 April 2013.

“Negara-bangsa ini kemudian meliputi seluruh Semenanjung Arab apabila beliau membebaskan Mekah dari dominasi kaum Quraisy. Beliau dan pengikut-pengikutnya mewakili puak humanis, sementara kaum Quraisy, puak oligarki... Nabi Muhammad contoh seorang pemimpin yang baik. Beliau melaksanakan politik atau pemerintahan yang kita istilahkan bersifat humanis. Apa yang kita maksudkan dengan istilah ‘humanis’ itu ertiannya adil kepada semua warganya, tidak kira bangsa, agama, atau fahaman ideologi.”²⁰

Tambahan pula, humanisme Kassim Ahmad adalah Islam yang berkaitan dengan ajaran Islam tentang toleransi dan keharmonian sosial yang terhubung kait dengan kehidupan masyarakat muslim di seluruh dunia khususnya di Malaysia. Oleh itu, saranan humanisme Kassim Ahmad tidak lebih mengajak masyarakat muslim supaya tidak takut untuk menghadapi suasana plural sebaliknya harus kembali bertindak balas secara positif. Maka, Kassim Ahmad menganggap Nabi Muhammad salah seorang contoh pemimpin humanis yang terbaik kerana telah melaksanakan pemerintahan yang diterima oleh masyarakat plural di Makkah pada waktu itu.

Sekitar tahun 1990an, Kassim Ahmad sekitar tahun 1990an berusaha memasukkan aspek teologi atau spiritual dalam falsafah humanisme. Tambahan pula, humanisme Kassim Ahmad mempunyai visi falsafah dengan menekankan dua aspek penting dalam Islam yakni aspek manusia sebagai khalifah Tuhan dan aspek kebebasan manusia.

Dalam sub topik seterusnya meneliti pemikiran Kassim Ahmad tentang dua aspek penting yakni konsep khalifah dan konsep kebebasan manusia dalam mendalami falsafah humansime.

Manusia Sebagai Khalifah Tuhan

“Undang-undang manusia menjadi undang-undang hanya kerana kesesuaianya dengan akal yang sebenar; dan dengan itu jelas ia mengalir dari undang-undang abadi. Dan sejauh mana ia menyeleweng dari akal sebenar ia dipanggil undang yang zalim; dalam keadaan ini ia sama sekali bukan undang-undang; tetapi malah sejenis keganasan...”²¹

Kassim Ahmad mengulang kembali kenyataan St. Thomas Augustine dalam menerangkan keupayaan dan kemampuan manusia dalam membentuk kehidupan dunia yang lebih sempurna. Bahkan undang-undang manusia tidak harus bertentangan dengan nilai-nilai rasional dan akal logik.

Bahkan, humansime Kassim Ahmad juga menganggap bahawa kehidupan manusia itu sempurna dan suci. Hal ini menyebabkan manusia berhak menentukan masa depan dan takdir kehidupannya di dunia ini. Oleh itu, beliau merumuskan keberadaan manusia itu sebenarnya

²⁰ Kassim Ahmad, Dua Jenis Politik: Politik Puak Oligarki dan Politik Puak Humanis, 22 April 2013.

²¹ E. Hellenbroich, “In The Footsteps Of Socrates And Plato,” The New Federalists, 7 Oktober 1991, 8. *In Humanities and Social Studies, Volume 3, Issue 1, January 2015, pp 41-50*

wujud untuk menjadi pemilik dan penguasa dunia. Dalam konteks keamanan dan kesejahteraan dunia, Kassim Ahmad meletakkan kedudukan manusia sebagai khalifah Tuhan.

“Manusia itu cetusan ilahi dijadikan dalam imej Ilahi... kehidupan manusia itu kudus. Pada diri manusia, diri seseorang individu terdapat daya kreatif untuk mengubah dunia dan dirinya... segi ini ia seorang pencipta, bayangan imej kecil kepada Pencipta Universal iaitu Tuhan.... Kedudukan manusia sebagai pencipta... mengurniakannya martabat sebagai raja atau khalifah...”²²

Sekitar April 1997, Kassim Ahmad selaku mewakili Jawatankuasa Penaja Jemaah Al Quran Malaysia telah menerangkan tujuan dan matlamat kehidupan manusia yang sebenar. Bagi Kassim, tujuan manusia itu diwujudkan di muka bumi kerana untuk berbakti kepada manusia-manusia yang lain. Oleh itu, Tuhan memberikan alam raya kepada manusia untuk ditadbir dan diurus dengan aman dan sejahtera. Sepertimana kenyataan beliau pada 21 April 1997:

“...kita harus ingat apabila kita mengatakan hidup kita untuk Tuhan, itu sebenarnya untuk kita, untuk manusia... tujuan hidup kita ialah untuk berkhidmat kepada manusia... Quran juga menerangkan bahawa Tuhan telah menundukkan seluruh alam raya untuk kegunaan manusia...”²³

Sekali lagi pada tahun 1998, Kassim menerangkan bahawa manusia itu sama seperti Tuhan dalam konteks sifat-sifat pancaindera tetapi berbeza dari sudut konteks kaedahnya. Oleh itu, Kassim menganggap Tuhan telah memuliakan kedudukan manusia sebagai makhluk ciptaannya. Hal ini kerana manusia mempunyai kemampuan daya kreatif untuk mencipta tamadun manusia secara evolusi melalui rancangan Tuhan.

“... manusia mempunyai sifat-sifat hidup, mendengar, melihat, mengetahui dan berkata-kata seperti sifat-sifat Tuhan, walaupun caranya berbeza... manusia mempunyai destini yang agung... dia dijadikan dari tanah dia telah mencipta tamadun dan akan terus meningkat dalam skala evolusi. Perkembangan ini akan terus berlaku kerana inilah rancangan Ilahi bagi manusia...”²⁴

Oleh itu, konsep manusia sebagai khalifah Tuhan tidak akan direalisasikan selagi mana umat manusia tidak memahami konsep kebebasan manusia yang sebenar. Secara tidak langsung, pemahaman konsep kebebasan manusia sekali gus akan memberikan umat manusia autoriti untuk mencipta dan mengubah takdir sendiri sendiri sepertimana yang digagaskan oleh humanisme Kassim Ahmad sekitar tahun 1990an.

Kebebasan Manusia

²² Kassim Ahmad, “Dajjal dan Kedatangan Nabi Isa Kedua”, JAWAB8A, Rencana No13: Oktober 1991-September 1992, 8.

²³ Surat Ketua No.12, “Apakah Tujuan Hidup?”, Jawatankuasa Penaja Jemaah Al Quran Malaysia, 21 April 1997.

²⁴ Surat Ketua No.22, Jawatankuasa Penaja Jemaah Al Quran Malaysia, 18 September 1998..

Menurut Louis Leahy, kebebasan manusia merupakan salah satu sifat asal manusia kerana manusia merupakan makhluk Tuhan yang sentiasa berkehendak dalam kehidupan kendiri.²⁵ Definisi Leahy cukup mengambarkan bahawa manusia itu bebas untuk menentukan nasib dan takdir social dan ekonominya sendiri. Sepertimana yang dinyatakan oleh A. W. Agung menambah bahawa kebebasan manusia dalam aspek social dan ekonomi sangat penting agar mudah untuk mewujuskan suasana sosio-ekonomi secara kondusif.²⁶

Seterusnya, humanisme Kassim Ahmad pula menyelusuri perjalanan sejarah manusia dengan berhujah bahawa setiap individu itu bebas untuk bertindak apa-apa pekerjaan selagi mana tidak berlawanan dengan prinsip Islam secara keseluruhannya. Tambahan pula, pada tahun 1986 dalam akhbar Watan Kassim Ahmad meneliti sejarah umat Islam bahawa idea kebebasan manusia ini diperkenalkan oleh tamadun Islam lalunya ditiru oleh tamadun Eropah semasa zaman kebangkitan pada abad ke-15.

“... asalnya adalah idea Islam yang berpindah ke Eropah taikala Eropah mengasimilasi ilmu-ilmu Islam dan Yunani akhir zaman pertengahan... Kebebasan manusia nisbi, tidak mutlak. Yang bebas mutlak hanya Tuhan. Kebebasan manusia mengikut ajaran Islam ialah kebebasan dibawah undang-undang Tuhan... undang-undang Tuhan luas dan banyak memberikan kebebasan kepada manusia...”²⁷

Pada tahun 1986, dalam akhbar watan ruangan “Berani Kerana Benar”, Kassim sekali lagi berhujah bahawa kebebasan manusia yang diberikan oleh Tuhan adalah untuk mentadbir hal ehwal dunia sama ada dalam soal politik, sosial dan ekonomi. Dalam konteks ini, Tuhan telah memberikan kebebasan nisbi kepada manusia. Sekali gus, dalam soal ini Kassim Ahmad jelas menolak prinsip fatalisme separtimana tokoh-tokoh mu’tazila sebelum ini.²⁸

Selain itu, Syed Ameer Ali sekitar tahun 1906 dalam karya berjudul “Islam” menyatakan bahawa manusia itu bebas sama ada daripada kuasa Tuhan dan manusia. Oleh itu, Kassim Ahmad dan Syed Ameer Ali bersetuju bahawa manusia itu bertanggungjawab atas perbuatannya sendiri tanpa melibatkan kehendak dan ketentuan Tuhan.

“He has pointed out two out courses- the one leading away from Him, and that is evil; the other bringing man to Him, and that is good. Every individual is free to choose and follow

²⁵ Louis Leahy, *Manusia Sebuah Misteri: Sintesa Filosofis Tentang Makhluk Paradoksal* (Gramedia, Jakarta, 1984), 111.

²⁶ Ahmad Wahidillah Agung, Komparasi Konsep Kebebasan Manusia Menurut John Dewey Dan Muhammad Athiyah Al-Abrasyi (Perspektif Filsafat Pendidikan), (*Jurusan Kependidikan Islam Fakultas Tarbiyah Dan Keguruan Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta, 2012*), 2.

²⁷ Kassim Ahmad, “Kebebasan”, *Watan*, 5 Februari 1986, 2-3.

²⁸ Prinsip fatalisme ini bermaksud manusia mempunyai kebebasan yan terhadap dalam kehidupannya di dunia. Hal ini bermakna bahawa penganut fatalisme percaya bahawa Tuhan bertanggungjawab dalam setiap tindakan manusia di dunia. Dalam sejarah Islam, peganutnya digelar sebagai pengikut Jabariah yang berasal daripada perkataan Jabara yang bermaksud paksaan atau memaksa. Ertinya, mereka percaya bahawa perbuatan manusia ini sudah ditentukan oleh qada dan qadar sejak kecil hingga akhir lagi. Rujuk, Nasution, Harun, *Teologi Islam: Aliran-Aliran Sejarah Analisa Perbandingan* (Penerbit Universitas Indonesia, 2013), 33.

*whichever courses he likes, and receives his deserts accordingly... Man, within the limited sphere of his existence is absolute master of his conduct. He is responsible for his actions and for the use or misuse of the powers with which he has been endowed. He may fall or rise according to his own "inclination"*²⁹

Pandangan Syed Ameer Ali yang seiring dengan Kassim Ahmad yang menganggap bahawa Islam telah disalah tafsir oleh sarjana muslim dalam konteks kebebasan manusia. Kesalahfahaman dalam tafsiran menyebabkan setiap manusia tidak akan bertanggungjawab atas kesalahannya sendiri sebaliknya diletakkan kepada Tuhan semata-mata.³⁰ Oleh itu, humanisme Kassim berusaha untuk membetulkan tafsiran berkenaan dengan konsep kebebasan manusia supaya beliau mampu mengusung gagasan humanisme Islam dekad ini.

Misalnya dalam rencana berjudul “Gejala Sosial Negatif- Punca Dan Penyelesaiannya”, Kassim Ahmad menyatakan bahawa tafsiran konsep takdir itu bermaksud undang-undang ilahi yang tidak boleh dipertikai oleh mana-mana makhluk Tuhan. Ini bermakna setiap perbuatan jahat itu sendiri disebabkan oleh perbuatan manusia sendiri di dalam dunia.³¹

Berbalik kepada Kassim Ahmad, seusai dibebaskan daripada tahanan ISA pada 29 Julai 1981, beliau menganggap bahawa kebebasannya itu sebagai salah satu tanda perundungan kemanusiaan dan keadilan bagi hak asasi manusia. Pembebasan tersebut sebenarnya sebagai tanda berlakunya perubahan pemikiran terhadap Kassim Ahmad daripada pejuang kebebasan ekonomi semata-mata kepada pejuang kebebasan manusia dalam pelbagai sudut.³² Misalnya, pada tahun 1983, beliau menganjurkan konsep keadilan sosial dalam kalangan masyarakat tanpa mengira agama dan bangsa. Secara tidak langsung, dalam tahun ini beliau menjadikan Islam sebagai sandaran hujah untuk mewujudkan kesatuan dan persamaan manusia dalam kalangan masyarakat beragama, sebaliknya mengkritik konsep marxisme dan liberalisme.

“Konsep keadilan sosial ini meliputi hak-hak asasi manusia seperti persamaan manusia... mengharamkan kelas dan kasta di dalam masyarakat. Semua berasal dari satu kejadian dan mempunyai hak-hak yang sama,... Quran mengangkat dan menyamakan derajat seorang hamba dengan tuannya... persamaan yang berdasarkan keadilan... ”³³

Reaksi Humanisme Kassim Ahmad terhadap dunia Islam sekitar tahun 1990-an

Selain daripada penelitian humanisme Kassim Ahmad melalui karya-karya, reaksi Kassim Ahmad terhadap dunia Islam sekitar tahun 1990an juga dianalisis secara kritis. Hal ini kerana Kassim turut aktif dalam menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan sama ada dalam

²⁹ Ali, Ameer, Islamic (London: Archibald Constable & CO Ltd, 1906), 3-4, 407.

³⁰ Kassim “Kebebasan Sdr Kassim Ahmad”, Penulisan Kassim Ahmad, Jilid 2, 1981-1984.m Ahmad, “Gejala Sosial Negatif- Punca Dan Penyelesaiannya”, Mingguan Malaysia, 23 Februari 1997

³¹ Kassim Ahmad, “Gejala Sosial Negatif- Punca Dan Penyelesaiannya”, Mingguan Malaysia, 23 Februari 1997.

³² “Kebebasan Sdr Kassim Ahmad”, Penulisan Kassim Ahmad, Jilid 2, 1981-1984.

³³ “Kebebasan Sdr Kassim Ahmad”, Penulisan Kassim Ahmad, Jilid 2, 1981-1984.

peringkat tempatan dan antarabangsa. Malahan Keaktifan ini ditonjolkan dalam tempoh masa awal tahun 1990an sehingga diakhir tahun 2000an.

Sehubungan dengan itu, dalam diskusi Kassim Ahmad terhadap aspek humanism ini juga menekankan beberapa terma penting antaranya terma jaminan kebebasan dan beragama. Kedua-dua terma ini bertunjangkan kepada akar keadilan dan hak kesamarataan. Oleh itu sekitar tahun 1985, Kassim Ahmad memuji perlumbagaan persekutuan Malaysia kerana menerapkan prinsip-prinsip tersebut. Oleh itu, humanisme Kassim Ahmad menjadi wacana penting sebagai otokritik terhadap umat Islam.³⁴ Hal ini kerana Kassim Ahmad sering kali mengkritik sikap politisasi dan unsur-unsur pendangkalan agama dalam kalangan umat Islam sendiri.

Dalam konteks masyarakat Malaysia, Kassim Ahmad menganjurkan gagasan reformasi masyarakat yang bertujuan untuk membentuk masyarakat yang memperjuangkan asas-asas pemuaafakatan dan kerjasama dalam isu sosial dan ekonomi. Secara tidak langsung, gagasan reformasi masyarakat ini melalui bantuan pihak kerajaan mampu membebaskan masyarakat daripada fahaman liberalisme- sekularisme. Hal ini kerana fahaman ini merupakan teori-teori Barat yang gagal untuk membentuk masyarakat yang ideal sepertimana dalam ajaran Islam.

“... gagasan-gagasan kedaulatan rakyat dibawah gagasan Ilahi, kepimpinan dan tanggungjawab sosial diberikan kepada mereka yang layak... masyarakat kita sendiri perlu berbahas serta mencapai muafakat dalam perkara-perkara yang pokok. Inilah cara yang paling baik kita melakukan reformasi masyarakat... ia suatu perjuangan golongan pro dan kontra... melaksanakan perintah Tuhan “menyeru kepada kebaikan dan melarang kejahatan”³⁵.

Pada 12 Mac 1986, beliau telah mengumumkan keputusan untuk aktif semula dalam dunia politik melalui penyertaan dalam UMNO. Bermula daripada penyertaan tersbut, Kassim Ahmad kelihatan gemar mengutus surat kepada Perdana Menteri Malaysia, Dr Mahathir Mohamad pada waktu tersebut. Oleh itu, isu-isu kemanusiaan dijadikan salah satu tema yang gemar dibincangkan oleh Kassim Ahmad kepada Dr Mahathir Mohamad pada sekitar tahun 1990an.³⁶

Contohnya, surat bertarikh 7 April 1986, Kassim Ahmad telah menjadikan wacana konsep kebebasan manusia ini kepada Mahathir Mohamad. Bagi Kassim, tema kebebasan manusia dalam konteks masyarakat Islam harus difokuskan untuk mengalakkan umat Islam sentiasa berfikir. Oleh itu, Kassim juga meminta Mahathir Mohamad menggunakan kuasa sebagai pemimpin untuk menyekat golongan elit agama yang mencabul kebebasan masyarakat Islam daripada berfikir. Dalam erti kata yang lain, Kassim Ahmad menolak mana-mana sifat

³⁴ Kassim Ahmad, “Falsafah Dan Pembangunan Bangsa” (Rencana Berita Harian No.1, 1985), 57.

³⁵ Kassim Ahmad, “Falsafah Dan Pembangunan Bangsa” (Rencana Berita Harian No.1, 1985), 57.

³⁶ Manuskrip Asal Projek Penulisan “Mencari Makna-Sebuah Kenangan Kehidupan”, MEM1:230697, 11.

eksklusif mana-mana golongan dalam agama. Hal ini kerana sikap eksklusif agama ini boleh membentuk unsur-unsur penindasan agama dalam kalangan pengikut itu sendiri.³⁷

“...saya meminta Sdr, selaku Perdana Menteri dan pihak berkuasa, menggunakan kuasa itu untuk menghalang dengan tegas golongan elite agama ini dari mencabul kebebasan rakyat untuk mendengar semua pandangan dan mengikut yang paling baik... Adakah ini satu permintaan yang terlalu besar? Saya fikir tidak. Malah saya fikir adalah tanggungjawab Sdr, dengan pandangan Islam Sdr yang englighend..”³⁸

Selain mengfokuskan isu-isu di Malaysia, Kassim Ahmad sekitar tahun 1990an juga turut mengketengahkan isu-isu kemanusiaan di Asia Barat. Dalam erti kata yang lain, humanisme Kassim Ahmad turut mengusung kepada penegakan hak-hak asasi manusia di Asia Barat.³⁹ Dalam soal penegakan hak-hak asasi ini, Kassim Ahmad cenderung untuk mengkritik tindakan Amerika Syarikat dan beberapa buah negara Eropah yang lain cuba untuk menindas negara-negara Asia Barat yang lemah seperti krisis Gulf^{40 41}.

³⁷ Surat Kassim Ahmad kepada Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, 7 April 1986.


³⁸ Surat Kassim Ahmad kepada Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, 7 April 1986.

³⁹ Lihat penulisan-penulisan Kassim Ahmad pada tahun 1990, tema-tema cenderung kepada hak kebebasan manusia yang mengkhususkan isu-isu di Asia Barat. Lihat, Kassim Ahmad, *The Truth About The Gulf Crisis*, FAIL: NST3: 041090.; Kassim Ahmad, *World Domination By America*, REN58: 28/09//1990.; Kassim Ahmad, *The Bully Of The Middle East*. SURAT: 09/08/1990.

⁴⁰ Krisis Gulf atau juga dikenali sebagai Perang Iraq I, Perang Gulf I, Perang Kuwait. dan Perang Gulf Persian. Ia berlangsung pada 2 Ogos sehingga 28 Februari 1991 merupakan penentangan 34 negara yang dipimpin oleh Amerika Syarikat terhadap negara Iraq kerana penguasaan Iraq terhadap Kuwait. Krisis bermula apabila pihak Iraq menguasai Kuwait pada 2 Ogos 1990 atas alasan hak ekonomi negara. Penguasaan tersebut menyebabkan Majlis Keselamatan PBB yang dipimpin oleh Presiden George H. W. Bush telah menubuhkan tentera khas Amerika Syarikat ke Arab Saudi untuk menguasa kembali Kuwait. Malah, jumlah tentera-tentera tersebut menyamai jumlah tentera-tentera Perang Dunia Kedua bertujuan untuk melawan pihak tentera Iraq yang dikepalai Saddam Hussein pada tahun 1990. Lihat, H. F. Eilts. 1991. *The Persian Gulf Crisis: Perspectives and Prospects*. Middle East Journal

Vol. 45, No. 1 (Winter, 1991), pp. 7-22.

⁴¹ Kassim Ahmad, *The Truth About The Gulf Crisis*, FAIL: NST3: 041090.



Gambar 1.2 Lawatan ke Baghdad atas jemputan Kementerian Luar Iraq, Oktober 1990 (III).

(Sumber: Foto Kassim Ahmad)

Misalnya, Kassim Ahmad telah mengkritik pihak Bersekutu⁴² yang dipimpin oleh Amerika Syarikat kerana telah menyekat hak ekonomi Iraq ke atas Kuwait. Hal ini kerana bagi Kassim Ahmad, negara Kuwait adalah hak milik negara Iraq tetapi telah terpisah akibat imperialisme British pada tahun 1914. Oleh itu, bagi Kassim Ahmad dalam konteks isu Iraq-Kuwait ini, Iraq seharusnya bebas untuk mendapatkan kembali Kuwait, sebaliknya pihak Bersekutu yang dipimpin oleh Amerika Syarikat harus memberikan kebebasan yang total terhadap masyarakat dunia Arab untuk menyelesaikan masalah negara mereka sendiri.

“... the issue is one of the right of a nation to protect its legitimate interests. Iraq has absolute right (by natural law) to retake Kuwait which was separated from it by British imperialism in 1914... It is obvious that courage is not needed to do this since almost every government in the world has done so. Rather we need courage to defend Iraq. But the more important considerations are justice and truth. Where do justice and truth lie in this case? It is not difficult to find out if one is prepared to seek sources more objective than the

⁴² Kuasa Bersekutu atau Berikat ini merupakan suatu penyatuan ketenteraan atau politik yang dipimpin oleh Amerika Syarikat bersama dengan negara Kuwait, Arab Saudi, Bangladesh, Pakistan dan sebagainya untuk melawan negara Iraq pada tahun 1990. Akhirnya tercetuslah Perang Teluk atau juga dikenali sebagai “Operasi Ribut Padang Pasir” yang dimenangi oleh Kuasa Berikat pada Januari 1991.

venomous propaganda spewed out by the western imperialist- and Zionist-controlled media...⁴³

Dalam konteks ini, Kassim Ahmad menganggap Amerika Syarikat sebuah tata dunia yang baharu cuba untuk menyekat kebebasan manusia pada abad ke-21.⁴⁴ Oleh itu, pada tahun 1990 juga, Kassim Ahmad telah bertindak sebagai salah seorang yang menyuarakan kebebasan manusia di peringkat antarabangsa bermula tahun 1990. Oleh itu, pada tahun 23 September 1990, Kassim Ahmad telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas Perdamaian Asia Barat sebagai salah satu usaha untuk mendamaikan konflik negara-negara di Asia Barat pada waktu tersebut.

"Aku memainkan peranan aktif dalam barisan anti-pencerobohan pihak bersekutu terhadap Iraq dengan menulis rencana, mengambil bahagian dalam forum dan seminar dan menubuhkan Jawatankuasa Perdamaian Asia Barat..."⁴⁵



Gambar 1.2 Kassim Ahmad bersama dengan Jawatankuasa Perdamaian Asia Barat, 23 September 1990.

(Sumber: Foto Kassim Ahmad)

⁴³ Surat Kassim Ahmad Kepada The Editor New Straits Times, 4 Oktober 1990.

⁴⁴ Surat Kassim Ahmad (Jawatankuasa Khas Perdamaian) Kepada Perdana Menteri Malaysia, Peperangan Di Teluk, 2 Februari 1991

⁴⁵ Manuskrip Asal Projek Penulisan "Mencari Makna-Sebuah Kenangan Kehidupan", MEM1:230697, 14

Tambahan pula, sikap anti kekerasan dan penindasan negara-negara Eropah tersebut dijadikan wacana penting dalam humanisme Kassim Ahmad pada waktu tersebut. Selain daripada menulis, Kassim Ahmad turut mengikuti beberapa siri persidangan antarabangsa sebagai reaksi balas ketidakpuashatiannya terhadap unsur-unsur penindasan. Antaranya beliau telah mengikuti Persidangan Bosnia di Kuala Lumpur, sekali gus dilantik menjadi setiausaha Jawatankuasa Penganjur Persidangan pada 22 hingga 23 Januari 1994.⁴⁶ Selain itu, beliau juga dilantik sebagai ahli jawatankuasa penting dalam Persidangan Bosnia di Brussel pada 28 hingga 30 April 1994. Akhir sekali, dilantik sebagai Pengurus Persidangan Iraq anjuran Persatuan Malaysia-Iraq pada 26 hingga 27 Mei 1994.⁴⁷



Gambar 1.3: Kassim Ahmad menjadi Pengurus Bosnia di Brusells, 28-30 April 1994.

(Sumber: Foto Kassim Ahmad)

Dalam konteks penulisan dan reaksi jelas menunjukkan bahawa Kassim mempunyai komitmen yang besar terhadap persoalan humanisme ini sekitar tahun 1990an. Oleh itu, beberapa hal penting yang diwacanakan oleh humanisme Kassim Ahmad ialah meneliti nilai-nilai kemanusiaan tanpa penglebihan terhadap ras, agama, bangsa agar dapat membentuk masyarakat dunia yang lebih sejahtera dan toleransi.

Penutup

Figur Kassim Ahmad sememangnya popular kerana gagasannya yang selalu berlainan dengan masyarakat umumnya. Namun begitu, figure ini tidak kurang penting telah mewacanakan

⁴⁶ Manuskrip Asal Projek Penulisan “Mencari Makna-Sebuah Kenangan Kehidupan”, MEM1:230697, 16.

⁴⁷ Manuskrip Asal Projek Penulisan “Mencari Makna-Sebuah Kenangan Kehidupan”, MEM1:230697, 16.

idea humanism dan universalisme Islam sekitar tahun 1990an. Bahkan gagasan tersebut mempunyai visi yang penting dan menjadi sumbangan pemikiran yang membawa erti dalam memahami nilai-nilai Islam serta kerasionalnya terhadap pelbagai persoalan kemanusiaan yang ada. Humanisme dalam pandangan Kassim Ahmad diletakkan sebaris dengan tipologi pemikiran bersifat antropologis yang dibangunkan dalam kerangka universalisme Islam. Bahkan nilai-nilai tersebut juga seiring dengan visi Islam yang menjunjung prinsip-prinsip kemanusiaan, toleransi dan kesempurnaan hak-hak asasi manusia. lalu mengacu kepada piramid masyarakat awam.

Seterusnya, Kassim Ahmad berusaha mewacanakan gagasan tentang humanism yang berlatarbelakang falsafah humanisme dan gerakan humanisme Kristian lalu diolah dalam wacana yang ingin menampilkan Islam dalam bentuk formalistik. Secara tidak langsung, menawarkan humanisme Islam sebagai etika sosial dalam memandu masyarakat Islam dalam kehidupan masyarakat plural dan masyarakat bernegara. Humanisme Kasim Ahmad yang muncul kerana faktor semasa di Malaysia dan juga faktor kemelut politik antarabangsa. Penglibatan beliau dalam beberapa jawatankuasa keamanan antarabangsa menunjukkan komitmen dan keseriusan dalam mengusung falsafah humansime. Selain itu, konsep humanisme dalam pemikiran Kassim Ahmad difahami sebagai satu diskusi pemikiran yang memberikan aspirasi secara luas terhadap segala hal yang positif dalam kehidupan masyarakat yang plural. Humanisme Kassim juga bertitik tolak dari unsur universalisme Islam yang mengangkat tinggi nilai kemanusiaan dan penghargaan sepenuhnya terhadap kehidupan manusia.

Rujukan

- Akbar S. Ahmed. *Membedah Islam*, terjemahan Zulfahmi. Bandung: Pustaka, 1990.
- Ali, Ameer, *Islamic*. London: Archibald Constable & CO Ltd, 1906..
- Ali Syari'ati. *Humanisme Antara Islam dan Mazhab Barat*. Jakarta Pusat: Pustaka Hidayah, 1992.
- Elijah O. J. & Lucky U. O.. "Humanism and Political Development in Nigeria: A Philosophical Examination of Protagoras' "Man is the Measure"". In *International Journal of Research in Humanities and Social Studies*, Volume 3, Issue 1, January 2016.
- Fatimah Busu, *Simbol Dalam Puisi Kassim Ahmad*. Latihan Akademik di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinangg, 1974/1975
- Harun Hadiwiyono. *Sari Sejarah Filsafat Barat 2*. Yogyakarta: Kanisius, 1995.
- Hellenbroich E. "In The Footsteps Of Socrates And Plato,". In *The New Federalists*, 7 Oktober 1991.
- H. F. Eilts. 1991. "The Persian Gulf Crisis: Perspectives and Prospects". *Middle East Journal* Vol. 45, No. 1. Winter, 1991.

Kassim Ahmad. *Mencari Jalan Pulang: Daripada Sosialisme Kepada Islam*. Petaling Jaya, Selangor: ZI Publications Sdn. Bhd., 2008.

Kassim Ahmad, "Biodata Kassim Ahmad", Catatan Kassim Ahmad, Julai 2015.

Kassim Ahmad. "Ideologi, Islam dan Politik Kebangsaan Kini". *Fail Kassim Ahmad*. 23 April 1985.

Kassim Ahmad. "Dajjal dan Kedatangan Nabi Isa Kedua", JAWAB8A. dalam *Rencana No13*: Oktober 1991-September 1992.

Kassim Ahmad, Dua Jenis Politik: Politik Puak Oligarki dan Politik Puak Humanis. *Fail Kassim Ahmad*, 22 April 2013.

Kassim Ahmad. "Kebebasan Sdr Kassim Ahmad". *Penulisan Kassim Ahmad*, Jilid 2, 1981-1984.

Kassim Ahmad, "Gejala Sosial Negatif- Punca Dan Penyelesaiannya". dalam *Mingguan Malaysia*, 23 Februari 1997.

Kassim Ahmad, "Falsafah Dan Pembangunan Bangsa". Dalam *Berita Harian No.1*, 1985.

Kassim Ahmad, "The Truth About The Gulf Crisis", *FAIL: NST3*: 041090.

Kassim Ahmad, "World Domination By America", *REN58*: 28/09//1990.

Kassim Ahmad, "The Bully Of The Middle East". *SURAT*: 09/08/1990.

Kassim Ahmad. "Kebebasan". dalam *Watan*, 5 Februari 1986.

Kassim Ahmad. *Manuskrip Autobiografi Seorang Peberontak*. Belum Diterbitkan, Februari 2016.

Kassim Ahmad. *Manuskrip Asal Projek Penulisan "Mencari Makna-Sebuah Kenangan Kehidupan"*, MEM1:230697.

Lawrence C. Becker. *Encyclopedia of Ethics*. New York: Routledge, 2001.

Md Hasri Rajali, "Pemikiran Kassim Ahmad Terhadap Sosialisme: Suatu Tinjauan Awal, Tahun 1968 – 1984", *Jurnal Kemanusiaan* Vol. 25, Iss. 2, ISSN 1675 – 1930 Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Aizam Maso'od, "Serangan Ideologi Barat Terhadap Pemikiran Umat Islam dan Implikasinya Terhadap Iman", *Jurnal Penyelidikan Islam* Bil. 25/2012 (109-120).

Louis Leahy. *Manusia Sebuah Misteri: Sintesa Filosofis Tentang Makhluk*. Jakarta, 1984.

Nasution, Harun. *Teologi Islam: Aliran-Aliran Sejarah Analisa Perbandingan*. Penerbit Universitas Indonesia, 2013.

Richa Raj. *Renaissance Humanism: An Introduction*. Delhi: University of Delhi, t.t.

Surat Ketua No.12, “Apakah Tujuan Hidup?”, Jawatankuasa Penaja Jemaah Al Quran Malaysia, 21 April 1997.

Surat Ketua No.22, Jawatankuasa Penaja Jemaah Al Quran Malaysia, 18 September 1998..

Surat Kassim Ahmad kepada Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, 7 April 1986.

Surat Kassim Ahmad Kepada The Editor New Straits Times, 4 Oktober 1990.

Surat Kassim Ahmad (Jawatankuasa Khas Perdamaian) Kepada Perdana Menteri Malaysia, Peperangan Di Teluk, 2 Februari 1991.

Temubual Kassim Ahmad dengan Md Hasri Bin Rajali di Kulim, Kedah pada 26 September 2014.

“Kassim Ahmad: Penyair dan Pegembara Yang Berani”. *Utusan Malaysia*, 13 Oktober 1987.

BIODATA

Md Hasri Rajali merupakan calon sarjana dalam bidang sejarah mod penyelidikan di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Berminat dalam sejarah Islam, sejarah intelektual dan sejarah falsafah.

Dr Muhammad Hasrul Zakariah merupakan seorang pensyarah kanan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Beliau mengajar dalam kursus Sejarah Islam dan Sejarah Asia Barat di university.